

Ramai peniaga tak letak tanda harga



PENGARAH KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman (tengah) ketika walkabout Skim Harga Maksimum Musim Perayaan 2019 Hari Raya Puasa di Pasar Basah TTDI. FOTO Aswadi Alias

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

SEBANYAK 127 peniaga dikenakan tindakan atas pelbagai kesalahan sepanjang tempoh skim harga maksimum musim perayaan yang bermula pada 21 Mei lalu.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, antara kesalahan yang dilakukan peniaga berkenaan adalah tidak meletakkan tanda harga, tiada tanda harga khas berwarna merah jambu dan menjual melebihi harga maksimum.

“Sepanjang tempoh skim ini berlangsung sebanyak 28,242 premis diperiksa dan 127 daripadanya dikesan melakukan kesalahan.

“Nilai rampasan barangan adalah sebanyak RM16,3447, manakala nilai kompaun sejumlah RM16,200 kepada peniaga yang dikesan melakukan kesalahan,” katanya pada sidang media di Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, hari ini.

Terdahulu, Iskandar melakukan lawatan dan tinjauan ke atas peniaga sempena pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan.

- Lawatan juga bertujuan untuk memaklumkan kepada pengguna mengenai langkah yang serius dalam menangani kos sara hidup dan kenaikan harga barang.

Iskandar berkata, skim yang dilaksanakan pada 21 Mei lalu itu dilanjutkan sehingga 19 Jun ini iaitu 30 hari pelaksanaan.

"KPDNHEP juga sudah mengenalpasti 27 jenis barangan bagi pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan tahun ini berbanding 21 barangan sebelum ini.

"Bagi pelaksanaan skim pada tahun ini terdapat penambahan barangan iaitu ikan segar beku kembung, ikan segar beku selar, ikan segar beku selayang, kacang panjang, kacang tanah dan cili kering," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 1 Jun 2019 @ 12:30 PM

